

24/06/2003

Islam cara Pas bahayakan agama

Irwan Shah

PAS sanggup menghalalkan apa yang haram. Jika perbuatan haram itu, mereka yang melakukannya tidak mengapa. Tetapi jika dilakukan oleh orang lain, mereka akan mengatakan bahawa perbuatan itu haram.

Inilah yang dilakukan oleh Pas, apabila akhbar Harakah, miliknya menyiarkan karikatur Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyerupai babi.

Ada penyokong Pas yang mempertahankan perbuatan itu dengan alasan kononnya, ia tidak menamakan sesiapa dalam karikatur itu.

Namun, umum mengetahui, orang yang dimaksudkan dalam karikatur itu adalah Dr Mahathir. Ini kemudian diakui oleh pemimpin tertinggi Pas yang kemudian meminta maaf atas kesilapan dan keterlanjuran mereka.

Kita hairan bagaimana kita boleh menghina sesama Islam, sedangkan perkara itu dilarang oleh agama. Jika perkara sekecil ini pun, Pas boleh membuat silap, apatah lagi dalam perkara besar.

Ini amat berbahaya apabila kita tidak tahu membezakan di antara baik dan buruk serta halal atau haram dan berdosa atau tidak berdosa.

Kita yakin orang yang benar-benar berpegang teguh kepada ajaran Islam tidak akan melakukan dosa walaupun sebesar zarah. Ini kerana mereka tahu sekecil manapun dosa akan mendapat pembalasan daripada Allah.

Apabila keadaan sebegini berlaku, orang bukan Islam akan memandang serong terhadap kita. Adakah apa yang kita lakukan sebagai orang yang mengaku Islam, benar-benar mencerminkan keislaman kita?

Orang akan mempersalahkan Islam, sedangkan agama itu tidak salah, tetapi orang yang tidak menghayati agama itu yang bersalah.

Justeru, kita hendaklah menghayati Islam berpandukan al-Quran dan hadis.

Bukannya, Islam mengikut acuan sendiri.

IRWAN SHAH,

Melaka.